

**POTENSI DAN HALANGAN DALAM DIALOG PERADABAN : SATU KAJIAN
TENTANG HUBUNGAN SEMASA ISLAM DENGAN BARAT**

**BADRUL HISHAM BIN ITHNIN
(AGC020001)**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511707950

**POTENSI DAN HALANGAN DALAM DIALOG PERADABAN : SATU KAJIAN
TENTANG HUBUNGAN SEMASA ISLAM DENGAN BARAT**

**BADRUL HISHAM BIN ITHNIN
(AGC020001)**

**DISERTASI TELAH DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA
(PENGAJIAN PERADABAN)**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2004

PERAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

6/12/2004
Tarikh

Badrul Hisham Ithnin
BADRUL HISHAM ITHNIN
No. Matrik : AGC020001

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan *taufiq* dan *inayah*-Nya disertai ini telah berjaya juga disiapkan dalam jangkamasa yang ditetapkan. Saya akur, setelah melalui kekangan masa dan pelbagai masalah lain yang lazim dialami seorang pengkaji, bahawa betapa kerdilnya saya di lautan ilmu Allah s.w.t. Kejayaan hari ini tidak mungkin tercapai tanpa sifat *rahim*-Nya. Apatah lagi, bagi seorang yang berlatar belakangkan disiplin sains gunaan, menceburi bidang sains sosial ini adalah suatu yang sangat menguji. Namun, ganjaran ilmu bagi yang mencari adalah kepuasan yang tidak terperi.

Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan rasa terhutang budi dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia kajian ini iaitu Profesor Dr. Hashim Haji Musa yang telah banyak membantu dan mendorong saya untuk bekerja keras bagi menyempurnakan kajian ini. Beliau adalah seorang pensyarah yang begitu saya kagumi kerana pada usia emas sekarang beliau masih gigih meneroka ilmu dan menyumbang kepada perkembangannya melalui aktiviti penyelidikan dan kesarjanaan. Diskusi yang berlaku antara saya dengan beliau cukup bermanfaat untuk memudahkan kajian ini. Tidak ketinggalan ialah Profesor Madya Dr. Muhammad Redzuan Othman, penyelaras program Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Pengalamannya yang dicurahkan telah menitikkan kesedaran kepada saya untuk lebih giat berusaha. Mengetahui pengalamannya seolah-olah mengajar saya bahawa kita tiada alasan untuk tidak berjaya dalam lapangan akademik ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ir. Dr. Kamal Nasharudin Mustapha, selaku (bekas) Ketua Eksekutif Kolej UNITI yang memperkenankan hajat saya melanjutkan pengajian dalam bidang ini. Dan juga meyakinkan pihak pengurusan untuk menyokong permohonan saya dan juga membiayai sebahagian daripada kos pengajian selama 3 semester di Universiti Malaya.

Seterusnya saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga ke atas isteri saya, Puan Fauziah Md Yusof yang turut menyumbang secara tidak langsung kepada kejayaan saya ini. Sebagai orang di belakang tabir, beliau sentiasa membantu ketika susah dan senang. Sukar hendak dibayangkan bagaimana saya boleh berjaya tanpa beliau berada di 'sisi'. Buat emak dan ayah yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih. Bagi Busu Zakaria dan Busu Ina serta Bibik Ros dan Pak Cik Ahmad, terima kasih diucapkan kerana sentiasa bersedia untuk menumpangkan saya bermalam di rumah mereka di Shah Alam selepas sahaja saya menghadiri kuliah di UM sepanjang dua semester pertama pengajian saya. Allah s.w.t. sahaja yang dapat membalas budi baik kalian.

Tidak dilupakan ialah rakan-rakan akademia Kolej UNITI yang telah memberi pandangan ikhlas dan membantu secara tidak langsung serta mendoakan kejayaan saya dalam pengajian pasca siswazah ini iaitu Ustaz Tuan Sidek Tuan Muda, Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Nazre Abdul Rashid, Ustaz Mohd. Soberi Awang, Cik Nurul Aidawati Idris dan Cik Rosmi Mat Derus. Turudihargai ialah Puan Farizah Jumhat, selaku pegawai UPSM Kolej UNITI yang memahami kesukaran yang saya lalui sepanjang pengajian sarjana di UM.

Akhir kata, semoga kajian ini bermanfaat untuk perkembangan dan pengkayaan maklumat dan ilmu pengajian peradaban. Diharap kajian lanjut pada masa-masa akan datang dapat dibuat untuk menyempurnakan lagi kajian awal ini yang sudah tentu mempunyai kelemahan dan kekurangan.

Abstrak

Kajian ini menumpukan kepada persoalan dialog peradaban: potensi dan halangannya dalam konteks hubungan semasa Islam dengan Barat. Sebagai asas latarbelakang hubungan berkonflik ini, kajian sejarah hubungan yang telah terjalin dahulu disoroti dan punca-punca konflik juga cuba difahami. Kini konflik dan kemelut pergolakan kedua-dua belah pihak sedang mempengaruhi iklim politik dan sosial masyarakat dunia berikutan kesan globalisasi tajaan Barat. Berikutan natijah yang memudaratkan adalah besar, maka kaedah dialog peradaban perlu dilaksanakan menggantikan kaedah militari atau kekerasan. Dilihat sebagai satu mekanisme yang praktikal, dialog peradaban mampu menawarkan pendekatan aman yang objektif dan rasional bagi menangani fenomena yang mewarnai konflik di persada antarabangsa dewasa ini. Namun, beberapa halangan yang wujud boleh menggendala usaha ini daripada mencapai matlamatnya. Sungguhpun begitu, diharap semua pihak mengiktiraf akan peranan dan sumbangan besar yang boleh dimainkan oleh kaedah ini dalam membantu ke arah memperbaiki dan memperbetul hubungan dua peradaban besar ini iaitu Islam dan Barat agar kekal menjadi peradaban manusia yang sarat dengan nilai kehidupan yang konstruktif.

Abstract

This study focuses on the issue of civilizational dialogue: its potential and obstacles in perspectives of contemporary relationship between Islam and the West. As the background base to the conflicting relationship, the study of the ancient relationships has been done as well as to the understanding of the roots of the conflicts. Currently the conflicts and the problems between the two sides are influencing the world politics and economics as a result from the globalization sponsored by the West. Due to the mass destructive consequences, thus the civilizational approach is primarily to be implemented to replace the military or aggression approach. Seen as a practical mechanism, civilizational dialogue can offer a secure objective and rational approach to defeat the phenomenon that create the current conflicts in international arena. However some obstacles that are now existing may distort the initiatives done to reach its objectives. Nevertheless, it is a hope that all parties will acknowledge the role and substantial contribution offered by this approach in assisting towards correcting and mending the relationship of two major civilization that are Islam and the West. This will help to preserve both civilizations which possess numerous constructive values of life.

DAFTAR SINGKATAN

HAMAS	<i>Harakat al-Muqawwamah Islamiyah</i>
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
PLO	<i>Palestine Liberation Organization</i>
OIC	<i>Organization of Islamic Conferences</i>

KANDUNGAN



PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
DAFTAR SINGKATAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii

BAB SATU : PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang dan Permasalahan Kajian	1
1.2 Metodologi kajian	4
1.3 Kajian Kepustakaan	4
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Sistematika Penulisan	10
1.6 Kepentingan Kajian	12

BAB DUA : DIALOG PERADABAN

2.1 Pengenalan	14
2.2 Konsep Dialog Peradaban	15
2.3 Sejarah Kemunculan Dialog Peradaban	20
2.4 Asal Usul Pemasyhuran Dialog Peradaban	25
2.4.1 Pandangan dan Pengalaman Islam Terhadap Dialog Peradaban	34
2.4.2 Pandangan dan Pengalaman Barat Terhadap Dialog Peradaban	38

BAB TIGA : HUBUNGAN BARAT DENGAN ISLAM

3.1	Pengenalan	40
3.2	Sejarah Hubungan Islam dengan Barat : Silam dan Semasa	43
3.3	Punca-punca Konflik Islam dengan Barat	50
3.3.1	Persepsi dan Psikologi Barat Terhadap Islam	51
3.3.2	Jenayah Akademik Barat Terhadap Islam	55
3.4	Punca Hubungan Konflik Islam dengan Barat dalam Konteks Semasa	60
3.5	Hakikat Perseteruan Sebenar	63

BAB EMPAT : POTENSI DIALOG PERADABAN

4.1	Pengenalan	65
4.2	Peserta Dialog Peradaban	66
4.3	Etika, Adab dan Kesantunan Dalam Dialog Peradaban	68
4.4	Hasil Penganjuran Dialog Peradaban	76

BAB LIMA : HALANGAN-HALANGAN DALAM DIALOG PERADABAN

5.1	Pengenalan	82
5.2	Halangan Dialog Peradaban	83
5.2.1	Kumpulan Minoriti Berpengaruh	83
5.2.2	Halangan Dari Teori Kerukunan Beragama	86
5.2.3	Kewujudan Kuasa Hegemoni Tunggal (Unipolar)	90
5.2.4	Kepincangan Ilmu dan Maklumat Mengenai Islam	93
5.2.5	<i>Taboo</i>	96

BAB ENAM : KAEDAH MENGATASI HALANGAN-HALANGAN DIALOG PERADABAN

6.1	Pengenalan	100
6.2	Kaedah Mengatasi Halangan Dialog Peradaban	101
6.2.1	Reformasi Kepimpinan dan Struktur PBB	101
6.2.2	Memperkukuh Amalan Demokrasi Tulen di Negara Barat	107

	dan Pemerintahan Khilafah Islam di Kalangan Negara Islam	
6.2.3	Kembali Kepada Kemurnian Ajaran Agama dan Nilai Tradisi	109
6.2.4	Meningkatkan Kecelikan dan Kesedaran Untuk Hidup Harmoni Bersama-sama	114
6.2.5	Memperbetul Asas Pendidikan	116
6.2.6	Mewujud Lebih Banyak Pengajian Perbandingan Agama, Budaya dan Tamadun	119
	BAB TUJUH : KESIMPULAN DAN CADANGAN	123
	BIBLIOGRAFI	128